



MEMULIHKAN KENAKALAN REMAJA

Oleh Noor Azam Abdul Rahman

... Youth - Society

LINA (bukan nama...sebenarnya) baru sahaja mencecah usia 17 tahun, namun telah beberapa kali ditahan di lokap polis. Dia juga telah tiga kali dihantar ke pusat pemulihan akhlak bagi pesalah juvenil. Hari ini, dia bersama-sama ibu bapanya sekali lagi berada di mahkamah majistret untuk menanti hukuman seterusnya atas kesalahan yang sama. Lina sekali lagi dibicarakan sebagai pesalah penyalahgunaan dadah. Jika sabit kesalahan, dia akan dihukum penjara dan dihantar ke pusat pemulihan akhlak lagi.

Ibu bapa Lina hanya bekerja sebagai pekebun. Fikiran mereka sedang asyik berkira-kira tentang jumlah jaminan yang perlu dibayar jika ingin membawa Lina pulang buat sementara waktu. Di dalam poket mereka, hanya beberapa helai wang yang bernilai tidak sampai satu ratus ringgit, itu pun hasil upah yang diperolehi petang semalam.

Sementara itu, Lina yang berada di kandang pesalah dilihat bersahaja, seperti tiada apa-apa yang perlu dikesalkan. Sambil tersenyum dia membelai-belai rambutnya yang berwarna merah hasil daripada pewarna murah yang digunakannya. Sesekali sempat juga dia bernyanyinyanyi perlahan dan menjeling manja ke arah pegawai mahkamah yang bertugas. Muka Lina tidak sedikit pun menunjukkan riak bersalah dan menyesal.

Itulah realitinya yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini. Situasi itu merupakan satu daripada beratus-ratus kisah benar tentang kenakalan remaja. Lina salah satu watak penting yang mewakili remaja lain yang mempunyai kisah yang sama sepertinya. Satu perkara yang perlu disedari oleh semua pihak ialah bahawa setiap hari jumlah remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di negara ini sentiasa bertambah. Pelibatan remaja dengan penyalahgunaan dadah ini termasuk menjadi penagih, pengedar, dan mangsa jenayah lain yang berpunca daripada dadah, seperti pelacuran dan pelibatan dengan kumpulan kongsi gelap.

Berdasarkan Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90), seseorang yang telah meningkat usia 10 tahun dan berada

di bawah usia 18 tahun termasuk dalam takrifan juvenil. Pesalah yang termasuk dalam lingkungan usia tersebut akan diberi pertimbangan sebagai pesalah juvenil yang tertakluk di bawah hukuman yang boleh dibuat oleh Mahkamah Juvenil di bawah Seksyen 12(1). Di bawah akta ini, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman berbentuk nasihat, kaunseling, dan bimbingan daripada pihak berkuasa, seperti sekolah pemulihan akhlak dan pegawai kebajikan masyarakat. Akta ini juga memperuntukkan hukuman penjara kepada juvenil bagi kesalahan yang sesuai untuk dipenjarakan.

Akta Mahkamah Juvana 1947 juga memperuntukkan arahan kepada ibu bapa atau penjaga pesalah juvenil agar menandatangani perjanjian untuk mengawal dan memberi bimbingan yang baik kepada pesalah. Jika pesalah perlu dihantar ke sekolah pemulihan akhlak, maka ibu bapa boleh diperintahkan untuk membiayai nafkah anak mereka sepanjang berada di institusi pemulihan tersebut.

Undang-undang tentang pesalah juvenil di Malaysia diperkenalkan sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan. Dalam tempoh tersebut, banyak pesalah juvenil telah menerima hukuman serta bimbingan yang sewajarnya daripada pihak yang berkaitan. Namun begitu, masih terdapat kes tertentu yang membabitkan pesalah yang sama. Mereka merupakan pesalah yang sudah menjalani proses bimbingan dan kaunseling serta hukuman penjara, tetapi terlibat semula melakukan kesalahan yang sama selepas dibebaskan. Walau bagaimanapun, jumlah kes seumpama ini berada pada peratusan yang rendah.


Pada masa ini, pesalah juvenil terlibat dengan kesalahan yang "luar biasa" jika dibandingkan dengan kesalahan sebelum ini. Berpandukan pendedahan dalam media massa, setiap hari diberitakan remaja terlibat dengan kesalahan jenayah yang biasanya dilakukan oleh orang dewasa, daripada kesalahan berbentuk vandalisme sehingga kes



Akta Mahkamah Juvana 1947 juga memperuntukkan arahan kepada ibu bapa atau penjaga pesalah juvana agar menandatangani perjanjian untuk mengawal dan memberi bimbingan yang baik kepada pesalah juvana.



Rub...



Langit terbuka menjadi penyebab pertambahan bilangan kes juvena.



Generasi muda perlu dididik seawal usia tentang bahaya jenayah.

penderaan, buli, pembunuhan dan pelacuran. Kes seumpama ini dilihat semakin serius dan membimbangkan.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), pada tahun 2013, terdapat 7816 kes jenayah melibatkan pesalah juvenil. Lebih membimbangkan lagi, 1632 kes daripada keseluruhannya itu melibatkan remaja yang masih bersekolah. Angka ini menyaksikan peningkatan 57 peratus dari tahun sebelumnya yang membabitkan pesalah juvenil yang masih bersekolah.

Jika dilihat bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pesalah juvenil, setiap tahun berlaku perubahan jenayah yang semakin berat. Laporan daripada MCPF juga menunjukkan bahawa pesalah juvenil yang berusia seawal 12 tahun turut terbabit dengan kegiatan jenayah, termasuk dadah, judi dan aktiviti sosial yang merosakkan, seperti pelacuran dan permerdagangan manusia.


Perubahan gaya hidup ahli masyarakat yang semakin berubah ke arah materialistik sedikit

banyak didapati mempengaruhi perkembangan remaja. Masyarakat kini tertekan dengan pelbagai tuntutan bagi menghadapi cabaran untuk meneruskan kehidupan mereka. Tekanan ekonomi, tuntutan kos hidup yang meningkat, serta tekanan emosi di tempat kerja dan di rumah menjadikan ibu bapa atau penjaga terlalu sibuk untuk mengawal dan memerhatikan anak remaja mereka.

Pada masa yang sama, kemajuan teknologi yang pantas dan tanpa sempadan menjadikan dunia kini kelihatan semakin kecil. Semuanya mampu diteliti hanya melalui sentuhan jari sahaja. Perkembangan teknologi maklumat telah memungkinkan remaja mempelajari perkara yang tidak wajar untuk dicontohi. Dunia siber dapat memberikan dimensi baharu terhadap cara kita berkomunikasi. Ibu bapa tidak lagi mampu untuk meneliti setiap saat tentang perkara yang dilihat dan diperolehi oleh anak di dunia siber, termasuk unsur keganasan dan kelucuhan yang melampaui batas norma masyarakat timur.

Persoalannya kini, bagaimanakah cara terbaik untuk kita menangani perkara ini? Sebagai remaja, apakah perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan unsur kenakalan yang berbentuk jenayah ini? Dengan kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa, bagaimanakah cara terbaik yang perlu digunakan oleh remaja? Semua persoalan ini seharusnya dijawab dengan sebaik-baiknya oleh mereka. Sebagai remaja yang berpendidikan, pastinya kita mampu untuk memanfaatkan segala peluang yang ada demi kepentingan diri sendiri, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Bagi pihak berkuasa, usaha pemulihan pesalah juvenil dijalankan dengan berpancukan pelbagai akta dan peraturan. Berdasarkan akta kesalahan juvenil, remaja sepatutnya mampu dipulihkan setelah menjalani beberapa tempoh proses pemulihan, sama ada pemulihan tersebut berlaku di sekolah pemulihan ahlak, di bawah pengawasan pegawai kebajikan masyarakat ataupun ibu bapa penjaga.



Tuntutan hidup menjadikan kita "tidak ambil pusing" tentang persekitaran.

Selepas itu, pesalah juvenil tidak seharusnya terlibat untuk kali kedua dengan kesalahan yang sama. Jika perkara ini masih berlaku, maka pihak berkuasa perlu meneliti semula modul pemulihan yang diguna pakai semasa dalam tempoh pemulihan tersebut.

Modul pemulihan akhlak yang biasa dijalankan di pusat pemulihan akhlak melibatkan proses pemulihan pesalah juvenil secara fizikal dan mental. Modul yang diberikan pastinya merangkumi aspek pemikiran positif serta kecergasan tubuh badan. Perkara yang diterapkan juga berbandukan kepercayaan terhadap agama dan pembersihan hati. Tegasnya, jika tidak diikuti sepenuhnya oleh pelajar semasa berada di pusat pemulihan, perkara tersebut tidak akan memberikan apa-apa kesan positif kepada mereka.

Sebenarnya semua pihak bersepakat untuk memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu kenakalan remaja. Baik pemerintah, ibu bapa, sekolah mahupun masyarakat, semuanya telah maklum tentang kepentingan

menangani isu kenakalan ini dengan sebaik-baiknya. Cuma kadang-kadang banyak orang yang terlupa untuk melihat kembali keberkesanan perlaksanaannya selama ini. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat akta dan undang-undang khusus bagi menangani isu kenakalan remaja. Kerajaan juga telah mewujudkan pusat pemulihan akhlak dan sekolah khas, seperti Sekolah Henry Gurney, bagi memulihkan akhlak remaja. Namun begitu, keberkesanan institusi ini sewajarnya dikaji semula untuk tujuan penambahbaikan.

Kebanyakan pesalah juvenil yang telah menjalani proses pemulihan terlibat kembali dengan kesalahan yang sama. Faktor yang mempengaruhi mereka terjebak kembali dalam aktiviti jenayah yang sama ini perlu diteliti oleh semua pihak. Jika tidak, kita akan melakukan perkara yang merugikan dan sia-sia. Kita cuma berjaya menghantar pesalah juvenil ke pusat pemulihan, namun tidak mampu menghalang mereka daripada

Modul pemulihan akhlak yang biasa dijalankan di pusat pemulihan akhlak melibatkan proses pemulihan pesalah juvena secara fizikal dan mental. Modul yang diberikan pastinya merangkumi aspek pemikiran positif serta kecergasan tubuh badan.

dihantar ke pusat pemulihan yang sama pada masa akan datang.

Bekas pesalah juvenil biasanya sukar untuk diterima dengan baik oleh masyarakat. Mereka terlepas banyak peluang, seperti peluang pekerjaan dan peluang bergaul dengan ahli masyarakat, dan sentiasa menghadapi persepsi negatif masyarakat. Perkara ini merupakan antara faktor yang mempengaruhi remaja itu untuk terlibat semula dengan kumpulan nakal mereka.

Proses pemulihan akhlak remaja perlu ditangani oleh semua pihak dengan sebaik-baiknya. Ibu bapa, guru, dan masyarakat keseluruhannya perlu sentiasa melihat isu ini sebagai sesuatu yang begitu penting. Proses pemulihan perlu dijalankan sepanjang masa, bukan sahaja dalam tempoh rasmi seperti yang diarahkan oleh mahkamah juvenil. Proses pemulihan sepanjang masa itu merupakan "tugas" semua pihak dengan cara bimbingan dan nasihat di samping memberikan perhatian serius terhadap permasalahan remaja. Secara tuntasnya, mencegah itu lebih baik daripada mengubati. CS